

**CELCOM TAKAFUL PA**  
**SIJIL TAKAFUL KEMALANGAN DIRI BERKELOMPOK**  
**GROUP PERSONAL TAKAFUL ACCIDENT CERTIFICATE**

**MEMPERTIMBANGKAN** Peserta membayar kepada **MAA TAKAFUL BERHAD** (kemudian dari ini dipanggil Pengendali Takaful) caruman yang dinyatakan di dalam Jadual Sijil tersebut.

**IN CONSIDERATION** of the Participant paying to **MAA TAKAFUL BERHAD** (hereinafter called the Takaful Operator) the contribution mentioned in the said Certificate Schedule.

**PENGENDALI TAKAFUL BERSETUJU** tertakluk kepada Terma dan Syarat yang terkandung di dalam ini atau diendorseskan atau selainnya dinyatakan di sini kemudiannya bahawa jika Orang Yang Dilindungi mengalami kecederaan disebabkan oleh kemalangan di mana kecederaan sedemikian semata-mata dan tanpa sebarang sebab lain mengakibatkan kematian atau kehilangan upaya Orang Yang Dilindungi seperti ditafsirkan seterusnya semasa Tempoh Takaful yang dinyatakan di dalam Jadual Sijil atau dalam mana-mana tempoh yang berikutnya yang mana Peserta telah membayar dan Pengendali Takaful telah menerima caruman yang dikehendaki bagi Sijil ini, Pengendali Takaful akan memberi pampasan kepada Orang Yang Dilindungi, atau jika Orang Yang Dilindungi meninggal dunia, Wasi Utama atau diikuti Wasi Pengganti (diatas ketiadaan Wasi Utama) yang mempunyai dokumen sah untuk membahagikan manfaat-manfaat Takaful yang dinyatakan di dalam Jadual Sijil tersebut kepada penerima-penerima manfaat mengikut undang-undang Syariah Faraid (bagi beragama Islam) dan Akta Pembahagian – Pindaan 1997 (bagi bukan beragama Islam).

**THE TAKAFUL OPERATOR AGREES** subject to the Terms and Conditions contained herein or endorsed or otherwise expressed hereon that if the Person Covered shall sustain injury caused by accidental means which injury shall solely and independently of any other cause result in the Person Covered's death or permanent disablement as hereinafter defined during the Period of Takaful stated in the Certificate Schedule or of any subsequent period in respect of which Participant shall have paid and the Takaful Operator shall have accepted the contribution required for this Certificate, the Takaful Operator will indemnify the Person Covered or in the event of Person Covered's death, to the Primary Administrator or followed by Substitute Administrator (in the absence of Primary Administrator) whom holds the legal documents for distributing the Takaful benefits as specified in the Certificate Schedule to the beneficiaries according to Shariah Faraid law (for Muslim) or Distribution Act – Revised 1997 (for Non Muslim).

**DENGAN SYARAT SENTIASA** pematuhan dan pemenuhan yang sewajarnya akan semua terma,endorsan, klausa atau warranti yang membentuk sebahagian daripada Sijil ini setakat yang ia berkaitan dengan segala perkara yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh Peserta atau Orang Yang Dilindungi hendaklah menjadi syarat duluan kepada sebarang liabiliti terhadap Pengendali Takaful untuk membuat sebarang pembayaran di bawah Sijil ini.

**PROVIDED ALWAYS** that the due observance and fulfilment of the terms, endorsements, clauses or warranties forming part of this Certificate in so far as they relate to anything to be done or complied with by the Participant or Person Covered shall be conditions precedent to any liability to the Takaful Operator to make any payment under this Certificate.

**PERLINDUNGAN  
COVERAGE**

**KECEDERAAN** akibat kemalangan di mana-mana tempat seluruh dunia (bagi Warganegara Malaysia) atau di Malaysia sahaja (bagi bukan Warganegara Malaysia) di mana kecederaan sedemikian semata-mata dan tanpa sebarang sebab lain mengakibatkan:

**INJURY** caused by accidental means in anywhere of the world (for Malaysia Citizen) or only in Malaysia (for Non Malaysia Citizen) in which injury shall solely and independently of any other cause result in:

Jenis-Jenis Manfaat Type of Benefit	Description Keterangan	Scale of Compensation Skala Pampasan
<b>Manfaat A Benefit A</b>	Kematian akibat kemalangan yang berlaku dalam tempoh dua belas (12) bulan selepas mengalami kemalangan <i>Accidental Death occuring within twelve (12) months of the accident.</i>	Rujuk Jadual Sijil dan skala pampasan seperti tercatat dalam Jadual Manfaat bagi kematian akibat kemalangan <i>Refer to Certificate Schedule and the scale of compensation as stated in the Table of Benefits for accidental death.</i>
<b>Manfaat B Benefit B</b>	Hilang Upaya Kekal akibat kemalangan yang berlaku dalam tempoh dua belas (12) bulan selepas mengalami kemalangan <i>Accidental Permanent Disablement occuring within twelve (12) months of the accident</i>	Rujuk Jadual Sijil dan skala pampasan seperti tercatat dalam Jadual Manfaat bagi hilang upaya kekal akibat kemalangan <i>Refer to Certificate Schedule and the scale of compensation as stated in the Table of Benefits for permanent disablement due to accident</i>
<b>Manfaat C Benefit C</b>	Manfaat Pengkebumian pada amaun RM2,000/- akan dibayar sekiranya peserta meninggal dunia akibat kemalangan. <i>Funeral Benefit (due to accidental death) amount for RM2,000/- shall be payable on accidental death of the Participant</i>	Rujuk Jadual Sijil. <i>Refer to Certificate Schedule.</i>

**Manfaat diatas menjadi sebahagian dari Sijil ini hanya jika disebut secara khusus dalam Jadual atau yang diendorseskannya**  
**The above Benefits shall apply to and form part of this Certificate when specifically mentioned in the Schedule or endorsed hereto**

## DEFINISI DEFINITIONS

- 1) **"Peserta"** membawa maksud CELCOM  
*"Participant" shall mean CELCOM*
- 2) **"Orang Yang Dilindungi"** bermakna setiap orang yang dilaporkan oleh pihak CELCOM kepada Pengendali Takaful sebagai orang yang mendaftar taliannya dengan CELCOM seperti yang dipersetujui oleh Pengendali Takaful tertaluk kepada terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh Celcom dari masa ke semasa.  
*"Person Covered" shall mean each of the person reported by CELCOM to Takaful Operator as person registered his/her line with CELCOM as agreed by Takaful Operator subject to the eligibility terms as may be determined by Celcom from time to time.*
- 3) **"Kecederaan Badan"** bermakna kecederaan yang dialami oleh Orang Yang Dilindungi yang disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh kemalangan dan tidak termasuk kecederaan badan yang disebabkan oleh kesakitan, penyakit atau masalah perubatan.  
*"Bodily Injury" shall mean injury suffered by the Person Covered caused solely and directly by, accidental means and shall exclude bodily injury caused by sickness, disease or medical disorder.*
- 4) **"Hospital"** bermakna sebuah pertubuhan yang semata-mata ditubuhkan dan didaftarkan sebagai hospital untuk menjaga dan merawat orang-orang yang sakit dan cedera, dan yang  
*"Hospital" shall mean an establishment duly constituted and registered as a hospital for the care and treatment of sick and injured persons, and which*
  - a. mempunyai kemudahan yang teratur untuk memberikan perkhidmatan diagnosis, rawatan dan pembedahan besar;  
*has organised facilities for diagnosis, treatment and major surgery*
  - b. menyediakan perkhidmatan kejururawatan dua puluh empat (24) jam sehari oleh jururawat berkeelayakan yang berdaftar;  
*provides twenty-four (24) hours a day nursing services by registered graduate nurses*
  - c. berada di bawah penyeliaan seorang doktor, dan  
*is under the supervision of a physician, and*
  - d. bukan sebuah klinik, tempat penjagaan perlindungan untuk penagih alkohol atau dadah, rumah penjagaan, rumah rehat atau rumah pemulihan, atau rumah untuk orang-orang tua dan pertubuhan yang sama dengannya.  
*is not primarily a clinic, a place for custodial care, alcoholics or drug addicts, a nursing or rest or convalescent home or home for the aged or similar establishment*
- 5) **"Wasi Utama"** membawa maksud Suami atau Isteri atau Anak  
*"Primary Administrator" shall mean Husband or Wife or Children*
- 6) **"Wasi Pengganti"** membawa maksud mana-mana individu diatas ketiadaan Wasi Utama yang mempunyai talian darah dan terhad kepada Ibu atau Bapa atau Abang atau Kakak atau Adik  
*"Substitute Administrator" shall mean any individual in the absence of the Primary Administrator, who has blood relationship and is restricted to Mother or Father or Brother or Sister.*

## PENGEJUALIAN EXCLUSIONS

Pengendali Takaful tidak bertanggungjawab terhadap manafaat kematian atau kecederaan pada tubuh badan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau berpunca daripada:

*The Takaful Operator shall not be liable for accidental death or bodily injuries arising directly or indirectly caused by or which results from:-*

- 1) Penglibatan atau penyertaan Orang Yang Dilindungi dalam:  
*The Person Covered engaging in or taking part in:-*
  - a. Menjalankan tugas sebagai atau bagi angkatan tentera darat, laut atau udara; polis; bomba atau yang seumpama yang berkaitan dengan keselamatan negara/syarikat/perniagaan(kecuali mereka yang bertugas dalam bidang pengurusan pejabat)  
*Armed forces, naval or air force, police, firemen or any similar occupations thereof which are related to national /company / business security (except those personnel who are administration staff) during active duty. (Perlindungan adalah terhad pada tempoh ahli yang dilindungi yang tidak berada dalam tempoh bekerja apabila berlaku kemalangan semasa urusan peribadi dan sebarang aktiviti sosial diluar daripada bidang tugas ahli yang dilindungi).  
(Coverage is limited to the time when such Person Covered is not on active duty and due to an accident which has occurred during the normal private and social activities, outside the scope of the Person Covered's employment).*
  - b. Sukan profesional, sukan musim sejuk selain daripada meluncur ais.  
*Professional sports, winter sports other than skating.*
  - c. Memanjat permukaan batu atau mendaki gunung yang memerlukan penggunaan tali atau pemandu, meneroka gua, meluncur udara, terjun bungee, payung terjun atau sebarang jenis perlumbaan melainkan yang menggunakan kaki.  
*Rock climbing or mountaineering which is necessitating the use of ropes or guides, potholing, hang gliding, bungee jumping, parachuting or any kind of race other than on foot.*
  - d. Memandu pesawat atau sebarang kegiatan udara lain kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang dalam pesawat berlesen yang dikendalikan oleh Pengendali Takaful pengangkutan udara komersil atau Pengendali Takaful sewa khas yang diiktiraf dan dipandu oleh krew profesional diantara lapangan terbang - lapangan terbang yang dijaga rapi.  
*Air travel except as a fare-paying passenger on a recognized airline operating on regular scheduled air routes and air travel by any charter aircraft duly licensed as a recognized air carrier and flown by professional crews between properly established and maintained airports.*
  - e. Perbuatan jenayah atau perbuatan menyalahi undang-undang atau sebarang kegiatan haram.  
*Criminal act or unlawful act or any illegal activities.*

- 2) Dipengaruhi oleh pengambilan alkohol dan dadah melainkan dadah tersebut diambil atas arahan seorang pengamal perubatan yang berkelayakan di sisi undang-undang dengan syarat arahan tersebut bukan untuk merawat penagihan dadah.  
*Intoxication by alcohol or drugs unless the drug is taken under the direction of a legally qualified medical practitioner provided such direction is not for the treatment of drug addiction.*
- 3) Pembunuhan atau serangan akibat provokasi, sengaja mencederakan diri sendiri, membunuh diri atau cuba membunuh diri atau sebarang percubaan untuk berbuat demikian sama ada dalam keadaan siuman atau tidak siuman. Sebarang perbuatan yang dirancang oleh Orang Yang Dilindungi atau mana-mana pihak bagi bertujuan mendapatkan bayaran manfaat.  
*Provoked murder or assault, intentional self-injury, suicide or attempted suicide or any attempt thereof while sane or insane. Any pre-plan act by the Person Covered or any parties for the purpose of getting the benefits payout*
- 4) Kehamilan, kelahiran anak, kecacatan atau kelemahan fizikal atau mental yang sedia wujud, lain-lain kekurangan urat saraf, kecacatan fizikal dalam pelbagai cara seperti kerencatan atau memerlukan bantuan alat berjalan dan mendengar.  
*All forms of disease or illness, pregnancy, childbirth, mental defect or infirmity.*
- 5) Kekacatan yang sedia ada, kecacatan fizikal dalam mana-mana keadaan seperti lumpuh atau memerlukan alat bantuan untuk berjalan atau alat bantuan dengar yang ada sejak permulaan Sijil ini dan juga mana-mana kecederaan yang berlanjutan kepada kecacatan fizikal yang sedia ada.  
*Pre - existing physical defect, physical deformity in anyway such as limping or require walking or hearing aids that existed prior to the inception of this Certificate and also any further injury to the pre-existing physical defect or deformity.*
- 6) Sengaja mendedahkan diri kepada bahaya luar biasa (kecuali dalam usaha untuk menyelamatkan nyawa manusia).  
*Deliberate exposure to exceptional danger (except in an attempt to save human life).*
- 7) HIV (Virus Kurang Daya Tahan Penyakit Manusia) dan/atau sebarang penyakit berkaitan HIV termasuk AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit) atau Masalah Berkaitan AIDS (ARC), tidak kira bagaimana ia disebabkan dan/atau sebarang mutasi, derivatif atau variasinya tidak kira bagaimana ia disebabkan dan rawatannya kecuali melalui pemindahan darah di hospital.  
*HIV (Human Immunodeficiency Syndrome) and/or any HIV related illness including AIDS (Acquired Immune Deficiency Syndrome) or AIDS Related Complex (ARC) however caused and/ or any mutant derivatives, variations or treatment thereof however caused except through blood transfusion at hospital.*
- 8) Penglibatan secara langsung dalam rusuhan atau kekacauan awam, serangan, tindakan musuh asing, pertempuran (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), pemberontakan, revolusi, penderhakaan, kuasa tentera atau rampasan kuasa.  
*Direct participation in riot or civil commotion, invasion, acts of foreign enemies, hostilities (whether war be declared or not) rebellion, revolution, insurrection or military or usurped power.*
- 9) Radiasi pengionan atau pencemaran sinaran radioaktif dan sebarang bahan api nuklear atau dan sebarang sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Bagi tujuan pengecualian ini, pembakaran termasuk sebarang proses pembelahan nuklear yang berkekalan sendiri.  
*Ionizing radiation or contamination by radio-activity from any nuclear fuel or from any nuclear waste from the combustion of nuclear fuel. For the purpose of this exclusion combustion shall include any self-sustaining process of nuclear fission.*
- 10) Peperangan, perang saudara - sama ada diisytiharkan atau tidak.  
*War, civil war - whether declared or not.*
- 11) Sebarang perlakuan keganasan.  
*Any act of terrorism.*
- 12) Menunggang motosikal atau memandu tanpa lesen memandu yang sah.  
*Riding a motorcycle, or driving without a valid driving licence.*

#### **SYARAT- SYARAT CONDITIONS**

1. Setiap notis atau komunikasi kepada Pengendali Takaful hendaklah dibuat secara bertulis atau bercetak dan dihantar kepada Pengendali Takaful. Perubahan kepada peraturan-peraturan Sijil ini, atau sebarang pengendorsan kepadanya, tidak akan dianggap sah melainkan ditandatangani atau diparap oleh seorang wakil yang diberi kuasa oleh Pengendali Takaful.  
*Every notice or communication to the Takaful Operator shall be in writing or printed and sent to the Takaful Operator. No alterations in the terms of this Certificate, nor any endorsement thereon, will be held valid unless the same is signed or initiated by an authorised representative of the Takaful Operator.*
2. Sebagai syarat sebelum Pengendali Takaful menerima sebarang tanggungan, Peserta dan Orang Yang Dilindungi hendaklah mematuhi dan memenuhi peraturan-peraturan, peruntukan-peruntukan dan syarat-syarat Sijil ini dengan sewajarnya dan sejauh mana ia melibatkan sebarang perkara yang perlu dilakukan dan dipatuhi.  
*The due observance and the fulfillment of the terms provisions and conditions of this Certificate by the Participant and Person Covered in so far as they relate to anything to be done or complied with by them shall be conditions precedent to any liability of the Takaful Operator.*
3. Peserta hendaklah mengisytiharkan kepada Pengendali Takaful butiran ahli yang dilindungi dengan lengkap.  
*The Participant shall declare to the Takaful Operator the details of the Persons Covered via a declaration listing on a named basis.*

4. Apabila berlaku sebarang kemalangan yang mungkin menimbulkan tuntutan di bawah Sijil ini:  
*On the happening of any accident which may give rise to a claim under this Certificate:*
- a. Notis bertulis yang menyatakan butir-butir kecederaan hendaklah diberikan kepada Pengendali Takaful dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh kemalangan yang menyebabkan kecederaan sedemikian.  
*Written notice stating details of the injury shall be given to the Takaful Operator within fourteen (14) days of the accident causing such injury.*
  - b. Orang Yang Dilindungi hendaklah mendapatkan dan bertindak atas nasihat perubatan atau pembedahan yang wajar dengan secepat mungkin.  
*The Person Covered shall procure and act upon proper medical or surgical advice as soon as practicable.*
  - c. Segala sijil, maklumat dan keterangan yang diperlukan oleh Pengendali Takaful mestilah disediakan atas perbelanjaan pihak penuntut dalam bentuk yang ditetapkan oleh Pengendali Takaful.  
*All certificates, information and evidence required by the Takaful Operator must be supplied at the expense of the claimant in the form prescribed by the Takaful Operator.*
  - d. Orang Yang Dilindungi mungkin perlu menjalani pemeriksaan perubatan lanjut sebagaimana yang diperlukan oleh Pengendali Takaful atas perbelanjaan Pengendali Takaful.  
*The Person Covered may have to undergo further medical examination as required by the Takaful Operator at the expense of the Takaful Operator.*
  - e. Sekiranya Orang Yang Dilindungi meninggal dunia, Pengendali Takaful berhak untuk meminta pemeriksaan bedah-siasat dijalankan atas perbelanjaan Pengendali Takaful dan di mana notis hendaklah diberikan kepada Pengendali Takaful sebelum pengebumian atau pembakaran mayat, menyatakan tempat dan masa untuk sebarang perbicaraan penyiasatan yang akan diadakan.  
*In the event of death of Person Covered, the Takaful Operator shall be entitled to have a post-mortem examination at their own expense and notice shall when practicable be given to the Takaful Operator before interment or cremation stating the time and place of any inquest appointed.*
5. Sijil ini tidak boleh diserahkan hak dan Pengendali Takaful tidak akan mengiktiraf atau mengambil kira sebarang amanah, gadaian, lien atau penyerahan hak berkaitan dengan ini. Sebarang resit atau pelepasan yang diberikan kepada Wasi (untuk dibahagikan mengikut undang-undang Syariah Faraid bagi yang beragama Islam dan Akta Pembahagian (Pindaan 1997) bagi yang bukan beragama Islam) atau sekiranya tiada dinyatakan di dalam Sijil kepada wakil peribadi Orang Yang Dilindungi yang sah di sisi undang-undang yang digunapakai oleh Pengendali Takaful bagi sebarang jumlah dilindungi atau pampasan di bawah Sijil ini akan dianggap sebagai pelepasan muktamad dan sepenuhnya bagi semua tanggungan Pengendali Takaful terhadap sebarang dan setiap kecederaan atau kemungkinan (termasuk kematian) yang berlaku kepada Orang Yang Dilindungi akibat daripada kemalangan tersebut sama ada ia disebabkan sebelum atau selepas tarikh penerimaan resit atau pelepasan tersebut.  
*This Certificate is non-assignable and the Takaful Operator shall not recognise or be affected by any trust charge lien or assignment relating to this Certificate. Any receipt or discharge which grant to Administrator (to be distribute according to Faraid Shariah Law for muslims and Distribution Act (Revised 1997) for non-muslim) or if none mentioned in Certificate to Person Covered's legal personal representative according to applied law to the Takaful Operator for any capital sum or compensation under this Certificate shall be deemed a final and complete discharge of all liability of the Takaful Operator in respect of any and every injury or contingency (including death) to Person Covered resulting of the accident whether resulting before or after the date of such receipt or discharge.*
6. Sekiranya cadangan atau perakuan Peserta yang dilindungi tidak benar dalam sebarang hal atau jika sebarang fakta penting yang boleh menjejaskan risiko disalahkan di dalamnya atau gagal dinyatakan, atau jika Takaful ini atau sebarang pembaharuannya diperolehi dengan memberikan sebarang pernyataan silap, salahnyata atau gagal dinyatakan, atau jika sebarang tuntutan yang dibuat adalah palsu atau ditokok tambah, atau jika sebarang perakuan atau pernyataan palsu dibuat sebagai menyokongnya, maka dalam sebarang kes tersebut, Sijil ini akan dianggap terbatal.  
*If the proposal or declaration of the Participant is untrue in any respect or if any material fact affecting the risk be incorrectly stated herein or omitted therefrom, or if this Takaful, or any renewal thereof shall have been obtained through any misstatement, misrepresentation or suppression, or if any claim made shall fraudulent or exaggerated, or if any false declaration or statement shall be made in support thereof, then in any of these cases, this Certificate shall be void.*
7. Segala percanggahan yang timbul daripada Sijil ini hendaklah dirujuk kepada seorang Penimbangtara yang perlu dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang bercanggah. Jika mereka tidak dapat bersetuju tentang siapa yang akan menjadi Penimbangtara dalam tempoh satu bulan selepas mereka diperlukan secara bertulis berbuat demikian, kedua-dua pihak berhak untuk melantik seorang Penimbangtara masing-masing yang akan mendengar penjelasan bersama dengan seorang Pengadil yang dilantik oleh kedua-dua Penimbangtara. Bagaimanapun, ini tertakluk kepada syarat bahawa sebarang penolakan tanggungan oleh Pengendali Takaful terhadap sebarang tuntutan di bawah sijil ini mesti dirujuk kepada seorang Penimbangtara dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar daripada tarikh penolakan tanggungan tersebut.  
*All differences arising out of this Certificate shall be referred to an Arbitrator who shall be appointed in writing by the parties in difference. In the event they are unable to agree on who is to be the Arbitrator within one month of being required in writing to do so then both parties shall be entitled to appoint an Arbitrator each who shall proceed to hear the differences together with an Umpire to be appointed by both Arbitrators. However this is provided that any disclaimer of liability by the Takaful Operator for any claim hereunder must be referred to an Arbitrator within twelve (12) calendar months from date of such disclaimer.*
8. Pengendali Takaful tidak bertanggungjawab untuk memberikan notis pembaharuan kepada Peserta.  
*It shall not be incumbent on the Takaful Operator to give notice of renewal to the Participant.*
9. Sijil ini akan lupus/tamat pada tengah malam (masa piawai Malaysia) pada hari terakhir Tempoh Takaful.  
*This Certificate shall lapse/terminate at mid-night (standard Malaysian time) on the last day of the Period of Takaful.*
10. Pembatalan keatas Sijil diatas sebarang sebab atau dimana pada tempoh sijil akan tamat atau lupus, semua perlindungan terhadap orang yang dilindungi akan tamat secara automatik dan lupus tanpa sebarang notis pemberitahuan kepada Peserta atau orang yang dilindungi.  
*Upon termination of this Certificate for whatsoever reasons or in the event that this Certificate shall lapse or expire, all Coverage in respect of all Persons Covered under this Certificate shall automatically terminate and lapse without any further notice to the Participant or the Persons Covered.*

11. Perlindungan terhadap mana-mana ahli yang dilindungi akan terbatal secara automatik sekiranya ahli berhenti sebagai pelanggan CELCOM  
*Coverage in respect of any Person Covered shall automatically terminated in the event that he/she ceases to be a subscriber of CELCOM*
12. Sijil ini boleh ditamatkan pada bila-bila masa atas permintaan Peserta, dalam hal ini Pengendali Takaful tidak akan mengenakan kadar pro-rata caruman yang biasa bagi tempoh Sijil tersebut telah berkuatkuasa risikonya sehingga tarikh penamatan. Sijil ini juga boleh ditamatkan atas pilihan Pengendali Takaful dengan menghantar notis empat belas (14) hari melalui surat berdaftar kepada pihak Peserta di alamatnya yang terakhir yang diketahui, dalam hal ini Pengendali Takaful hendaklah bertanggung jawab untuk membayar balik kadar pro-rata caruman hanya jika caruman telah dibayar bagi tempoh yang belum berkuatkuasa risikonya dari tarikh penamatan.  
*This Certificate may be terminated at any time at the request of Participant, in which case the Takaful Operator will not be liable to repay pro-rated contribution for the time the Certificate's risk has been in force until the date of cancellation. This Certificate may also be terminated at the option of the Takaful Operator by sending fourteen (14) days' notice by registered letter to Participant at his last known address, in which case the Takaful Operator shall be liable to repay pro-rated contribution only if the contribution has been paid for the period of which the risk has not been in force from the date of cancellation.*
13. Semua caruman dan pampasan mestilah dibayar dalam Ringgit Malaysia dan tertakluk kepada had dipersetujui bagi setiap Orang Yang Dilindungi yang tertakluk kepada had mana-mana satu perjalanan atau kejadian.  
*All contributions and benefits payout shall be paid in Malaysia Ringgit and subject to limit as agreed for each Person Covered which subjected to limit of any one conveyance or event.*
14. Sijil ini dan semua hak, kewajiban dan tanggungan yang timbul dari Sijil ini, hendaklah ditafsir dan ditentukan dan boleh dikuatkuasakan mengikut undang-undang Malaysia dan Mahkamah Malaysia mempunyai bidang kuasa eksklusif ke atasnya. Tiada tindakan undang-undang atau kesaksamaan boleh dibuat untuk mendapat pampasan daripada Sijil ini sebelum tamat tempoh tiga puluh (30) hari selepas bukti kerugian telah terlebih dahulu dikemukakan mengikut keperluan Sijil.  
*This Certificate and all rights, obligations and liabilities arising from this Certificate, shall be construed and determined and may be enforced in accordance with the laws of Malaysia and the Malaysian Courts shall have exclusive jurisdiction hereto. No action of law or in equity shall be brought to recover on this Certificate prior to expiration of thirty (30) days after written proof of loss has been furnished in accordance with requirements of this Certificate.*
15. Syarat penting dan mutlak khusus bagi Sijil ini ialah bahawa caruman tertunggak mestilah dibayar dan diterima oleh Pengendali Takaful dalam masa yang ditetapkan.  
*It is fundamental and absolute special condition of this Certificate is that the contribution due must be paid and received by the Takaful Operator within the stipulated time.*
- Untuk Prabayar: 30 hari daripada tarikh invois merujuk kepada senarai bulanan pelanggan Celcom yang diterima oleh Pengendali Takaful  
*For Prepaid : 30 days from the date of invoice based on monthly Celcom declaration listing received by the Takaful Operator*
- Untuk Postpaid : 60 hari daripada tarikh invois merujuk kepada senarai bulanan pelanggan Celcom yang diterima oleh Pengendali Takaful  
*For Postpaid : 60 days from the date of invoice based on monthly Celcom declaration listing received by the Takaful Operator*
- Sekiranya syarat ini tidak dipatuhi maka perlindungan ini akan dibatalkan secara automatik dan Pengendali Takaful berhak untuk mengenakan bayaran caruman secara pro rata bagi tempoh mereka menanggung risiko. Di mana caruman yang perlu dibayar di bawah waranti ini diterima oleh ejen Pengendali Takaful yang bertauliah, bayaran tersebut hendaklah dianggap sebagai diterima oleh Pengendali Takaful untuk tujuan waranti ini dan tanggungjawab membuktikan caruman yang perlu dibayar telah diterima oleh seseorang, termasuk ejen Pengendali Takaful yang tidak bertauliah untuk menerima caruman tersebut, terletak pada pihak Pengendali Takaful. Tertakluk selain ini kepada peraturan-peraturan dan syarat-syarat Sijil ini.
- If this condition is not complied with then this covered is automatically cancelled and Takaful Operator shall be entitled to the pro rata contribution for the period they have been on risk. Where the contribution payable pursuant to this warranty is received by an authorised agent of the Takaful Operator, the payment shall be deemed to be received by Takaful Operator for the purposes of this warranty and the onus of proving that the contribution payable was received by a person, including Takaful Operator agent, who was not authorised to receive such contribution shall lie on the Takaful Operator.  
 Subject otherwise to the terms and conditions of this Certificate.*
16. Pengendali Takaful akan menguruskan caruman Takaful Peserta dengan mengenakan Yuran Wakalah Kasar seperti yang diluluskan oleh pihak berkuasa dibawah prinsip Wakalah, dan seterusnya melabur ke dalam dana Takaful melalui satu akaun khas dikenali sebagai Akaun Pelaburan Risiko Kemalangan. Jika pada akhir tempoh Takaful seperti yang dinyatakan didalam Jadual yang dilampirkan bersama Sijil, terdapat lebih bersih didalam Akaun Pelaburan Risiko Kemalangan, 50% daripada lebih bersih tersebut akan dikongsi secara berkadar oleh Peserta-Peserta yang tidak membuat sebarang tuntutan dan/atau menerima apa-apa manfaat dibawah kelas risiko yang sama seperti yang dinyatakan didalam Jadual tersebut sementara Sijil tersebut berkuatkuasa.  
*Takaful Operator will manage My/Our takaful contributions by charging a Gross Wakalah Fee as approved by the regulatory authorities under the principle of Wakalah, and subsequently continue to invest into Takaful fund through a special account known as the Accident Risk Investment Account. If at end of the period of Takaful stated in the Schedule attached to the Certificate, there is a net surplus in the Accident Risk Investment Account, 50% of the net surplus shall be shared proportionately among Participants who have not incurred any claim and/or not received any benefits under the same class of risk as stated in the aforesaid Schedule whilst the Certificate is in force.*
17. Sijil ini dan Jadual di dalam ini hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan apa-apa perkataan atau pernyataan yang makna khususnya telah dinyatakan di mana-mana bahagian Sijil ini atau Jadualnya hendaklah membawa makna sedemikian dimana ia tercatat.  
*This Certificate and the Schedule herein shall be read together as one contract and any word or expression to which a specific meaning has been attached in any part of this Certificate or of the said Schedule shall bear such meaning wherever it may appear.*

**PENGENDORSAN, KLAUSA DAN WARANTI AKAN TERPAKAI PADA DAN MENJADI SEBAHAGIAN DARI SIJIL INI JIKA  
DISEBUTKAN SECARA KHUSUS DALAM JADUAL ATAU YANG DIENDORS PADANYA  
ENDORSEMENTS, CLAUSES AND WARRANTIES SHALL APPLY TO AND FORM PART OF THIS CERTIFICATE WHEN  
SPECIFICALLY MENTIONED IN THE SCHEDULE OR ENDORSED THERETO**

**JADUAL MANFAAT  
TABLE OF BENEFITS**

<b>Kematian atau Hilang Upaya Kekal Death and Permanent Disablement</b>	<b>Jumlah Perlindungan Sum Covered</b>
<b>Kematian Akibat Kemalangan</b> (berlaku dalam tempoh dua belas (12) bulan calendar) <i>Accidental Death</i> (occurring within twelve (12) calendar months of the accident)	Jumlah Perlindungan seperti dalam Jadual Sijil <i>The Sum Covered as per Certificate Schedule</i>
<b>Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan</b> (berlaku dalam tempoh dua belas (12) kalendar) <i>Accidental Permanent Disablement</i> (occurring within twelve calendar months of the accident)	Jumlah Perlindungan seperti dalam Jadual Sijil mengikut peratus dibawah <i>The Sum Covered as per Certificate Schedule according to percentage below</i>
<b>Penerangan Hilang Upaya Description of Disablement</b>	
Kehilangan dua (2) anggota----- <i>Loss of two (2) limbs</i>	-----100%
Kehilangan kedua-dua tangan, atau semua jari dan kedua-dua ibu jari <i>Loss of both hands, or of all fingers and both thumbs</i>	-----100%
Lumpuh sepenuhnya----- <i>Total paralysis</i>	-----100%
Kehilangan akal sepenuhnya----- <i>Total insanity</i>	-----100%
Kecederaan yang mengakibatkan terlantar atas katil secara kekal-- <i>Injuries resulting in being permanently bed ridden</i>	-----100%
Sebarang kecederaan lain yang menyebabkan hilang upaya keseluruhan dan kekal-- <i>Any other injury causing permanent total disablement</i>	-----100%
Kehilangan lengan dari paras bahu----- <i>Loss of arm at shoulder</i>	-----100%
Kehilangan lengan dari paras antara bahu dan siku----- <i>Loss of arm between shoulder and elbow</i>	-----100%
Kehilangan lengan dari paras siku----- <i>Loss of arm at elbow</i>	-----100%
Kehilangan lengan dari paras antara siku dan pergelangan tangan----- <i>Loss of arm between elbow and wrist</i>	-----100%
Kehilangan tangan dari paras pergelangan tangan----- <i>Loss of hand at wrist</i>	-----100%
Kehilangan kaki - dari paras pinggul----- <i>Loss of leg at hip</i>	-----100%
- dari paras antara lutut dan pinggul----- <i>between knee and hip</i>	-----100%
- dari paras bawah lutut----- <i>below knee</i>	-----100%
Kehilangan Mata - seluruh mata----- <i>Loss of eye whole eye</i>	-----100%
- seluruh penglihatan----- <i>sight of</i>	-----100%
- seluruh penglihatan, kecuali pengesanan cahaya----- <i>sight of, except perception of light</i>	-----50%
- lensa----- <i>lens of</i>	-----50%
Kehilangan empat (4) jari dan ibu jari sebelah tangan----- <i>Loss of four (4) fingers and thumb of one (1) hand</i>	-----50%
Kehilangan empat (4) jari----- <i>Loss of four (4) fingers</i>	-----40%
Kehilangan ibu jari - kedua-dua ruas----- <i>Loss of thumb both phalanges</i>	-----25%
- satu (1) ruas----- <i>one (1) phalanx</i>	-----10%

<b>Kematian atau Hilang Upaya Kekal Death and Permanent Disablement</b>	<b>Jumlah Perlindungan Sum Covered</b>	
Kehilangan jari telunjuk <i>Loss of index finger</i>	- tiga (3) ruas <i>three (3) phalanges</i>	10%
	- dua (2) ruas <i>two (2) phalanges</i>	8%
	- satu (1) ruas <i>one (1) phalanx</i>	4%
Kehilangan jari hantu	- tiga (3) ruas	6%
<i>Loss of middle finger</i>	- tiga (3) ruas <i>three (3) phalanges</i>	4%
	- dua (2) ruas <i>two (2) phalanges</i>	2%
	- satu (1) ruas <i>one (1) phalanx</i>	2%
Kehilangan jari manis <i>Loss of ring finger</i>	- tiga (3) ruas <i>three (3) phalanges</i>	5%
	- dua (2) ruas <i>two (2) phalanges</i>	4%
	- satu (1) ruas <i>one (1) phalanx</i>	2%
Kehilangan jari kelingking <i>Loss of little finger</i>	- tiga (3) ruas <i>three (3) phalanges</i>	4%
	- dua (2) ruas <i>two (2) phalanges</i>	3%
	- satu (1) ruas <i>one (1) phalanx</i>	2%
Kehilangan metacarpus <i>Loss of metacarpals</i>	- pertama atau kedua (tambahan) <i>first or second (additional)</i>	3%
	- ketiga, keempat atau kelima (tambahan) <i>third, fourth or fifth (additional)</i>	2%
Kehilangan ibu jari <i>Loss of toes</i>	- semua ruas <i>all phalanges</i>	15%
	- dua (2) ibu jari kedua-dua ruas <i>two (2) great, both phalanges</i>	5%
	- ibu jari, satu (1) ruas <i>great one (1) phalanx</i>	2%
	- selain ibu jari, jika lebih dari satu (1) jari, setiap satu <i>other than great, if more than one (1) toe lost, each</i>	1%
Kehilangan pendengaran <i>Loss of hearing</i>	- kedua-dua belah telinga <i>both ears</i>	75%
	- satu (1) telinga <i>one (1) ear</i>	15%
Kehilangan upaya tutur <i>Loss of speech</i>		50%

Di mana kecederaan tidak dinyatakan secara khusus, Pengendali Takaful berhak untuk menggunakan peratusan kehilangan upaya yang tidak bercanggah dengan peruntukan-peruntukan dalam Jadual Manfaat. Kehilangan kekal penggunaan sesuatu anggota akan dianggap sebagai kehilangan anggota. Kehilangan upaya bertutur hendaklah bermakna kehilangan upaya penuh dan kekal untuk berkomunikasi melalui pertuturan.

*Where the injury is not specified, the Takaful Operator reserves the right to adopt a percentage of disablement which in its opinion is not inconsistent with the provisions of the Table of Benefits. Permanent total loss of use of member shall be treated as loss of member. Loss of speech shall mean total permanent inability to communicate verbally.*

Agregat semua peratusan yang boleh dibayar bagi mana-mana satu kemalangan tidak boleh melebihi 100% kecuali yang dinyatakan secara khusus dalam Jadual Sijil atau diendors padanya. Sekiranya sejumlah 100% telah pun dibayar, semua perlindungan takaful di bawah Sijil ini akan tamat berkuatkuasa secara serta-merta. Bayaran untuk semua kehilangan lain yang kurang daripada 100% jika sudah dibuat akan mengurangkan perlindungan sebanyak jumlah tersebut dari tarikh kemalangan sehingga tamat Sijil.

*The aggregate of all percentages payable in respect of any one accident shall not exceed 100% except when specifically mentioned in the Certificate Schedule or endorsed thereto. In the event of a total of 100% is paid, all coverage under this Certificate shall immediately cease to be in force. All other losses less than 100%, if paid shall reduce the coverage by that amount from the date of accident until the expiry of the Certificate.*

**PENTING/IMPORTANT**

Peserta hendaklah membaca Sijil ini dengan teliti, dan jika terdapat sebarang kesilapan atau salah tafsiran di dalamnya, atau jika perlindungan tidak mengikut kehendak Peserta, Pengendali Takaful perlu diberitahu dengan serta-merta dan Sijil dikembalikan untuk diberi perhatian.

*The Participant shall read this Certificate carefully, and if any error or misdescription be found herein, or if the cover be not in accordance with the wishes of the Participant, advice should at once be given to the Takaful Operator and the Certificate returned for attention.*

Sekiranya terdapat kekeliruan, kekaburan dan konflik dalam pentafsiran mana-mana terma atau syarat kontrak ini, versi Bahasa Inggeris adalah terpakai dan mengatasi versi Bahasa Melayu.

*In the event of discrepancy, ambiguity and conflict in interpreting any term or condition of the contract, the English version shall prevail and supercede the Bahasa Melayu version.*